



KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

JEMPUTAN SEBAGAI PESERTA BENGKEL P & P GAMIFIKASI DALAM PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB SERTA PERTANDINGAN GLOBAL ISLAMIK GAMES PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa INFAD, International Fatwa and Halal Centre (iFFAH) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, ISESCO dan Persatuan Tahfiz Negeri Selangor (PITAS) akan menganjurkan **Bengkel P & P Gamifikasi dalam Pendidikan Islam dan Bahasa Arab serta Pertandingan Global Islamik Games** sepertimana berikut:

Tarikh : 08 April 2020 (Rabu)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Dewan Tuanku Canselor USIM, Nilai Negeri Sembilan

3. Tujuan penganjuran program ini adalah untuk merealisasikan produk Global Islamik Games (GIG) sebagai produk nilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Produk ini juga diyakini dapat mewujudkan konsep didik libur dalam pendidikan dengan menggunakan permainan ilmiah GIG sebagai alat bantu mengajar dan sangat relevan dengan corak Pendidikan Abad ke-21 (PKA-21), GIG membentuk suasana pembelajaran aktif serta interaktif antara guru dan pelajar.

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami amat berbesar hati menjemput pihak Tuan/Puan menyertai program ini. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM350.00 bagi satu kumpulan. Setiap pasukan adalah terdiri daripada empat orang pelajar dan seorang guru pengiring.

5. Pembayaran penyertaan pihak Tuan/Puan boleh dikreditkan secara Cek/Wang Pos/Kiriman Wang/Deraf Bank atas nama Bendahari USIM. Bayaran secara EFT/MEPS IBG boleh dibuat berdasarkan butiran berikut:

Penerima : Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Nombor Akaun : 05058010008884
Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
Perkara : Karnival iFFAH 2020

6. Semoga penyertaan daripada pihak Tuan/Puan dapat menjayakan seterusnya melancarkan lagi perjalanan program ini. Sekiranya pihak Tuan/Puan memerlukan maklumat lanjut mengenai perkara ini, mohon hubungi saya ditalian 06-7988529 atau emel hilminaza@usim.edu.my.

Sekian. Terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR MADYA DR. AZMAN AB RAHMAN)

Pengarah Program

Merangkap Timbalan Pengarah INFAD

International Fatwa and Halal Centre (iFFAH)

Universiti Sains Islam Malaysia

s.k : 1. Fail